

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

SBP220 - Pengantar Perancangan Pembangunan

Masa: [3 jam]

Jawab TIGA soalan. Soalan 1 dan 2 di Bahagian A dan SATU soalan di Bahagian B.

Bahagian A

1. Dalam perancangan dan pengendalian sesuatu projek akan terdapat beberapa persamaan dan perbezaan di antara projek pihak swasta dan projek awam kerajaan. Anda dikehendaki memberi satu contoh projek yang dijalankan oleh pihak swasta dan satu contoh projek awam anjuran kerajaan.

Berdasarkan contoh-contoh tersebut, nyatakan persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan yang terdapat di dalam perancangan dan pengendalian projek-projek berkenaan.

[30%]

2. Berikut ialah item kos dan hasil bagi kilang simen:

Tahun	0	1	2	3	4	5-12
<u>Kos</u>						
Bangunan dan Tanah	150	-	-	-	-	
Mesin	1000	1000	-	-	-	-
Bahan Mentah	-	-	200	240	280	280
Buruh	-	-	40	45	45	45
Minyak	-	-	80	85	90	100
<u>Hasil</u>	-	-	600	720	850	900
<u>Jualan</u>						

...2/-

[SBP 220]

Berdasarkan maklumat tersebut anda dikehendaki:

- (a) Mencari Nilai Kini Bersih pada Kadar Diskaun 15%.
- (b) Mencari Nisbah Kos Faedah pada Kadar Diskaun 15%.
- (c) Mencari Kadar Pulangan Dalaman
- (d) Tunjukkan bagaimana Kadar Pulangan Dalaman dapat diperolehi dalam bentuk grafik.
- (e) Sekiranya kerajaan mengenakan Cukai Keuntungan sebanyak 5% tiap-tiap tahun berapakah pula Nilai Kini Bersih yang diperolehi pada Kadar Diskaun 12%.
- (f) Beri sedikit huraian mengenai fisibiliti projek kilang simen ini.

[45%]

Bahagian B

Pilih SATU soalan sahaja. [25%]


3. "Tidak semua projek pembangunan berjalan dengan lancar. Ada yang tergendala di separuh jalan, ada yang tidak dapat memenuhi matlamat, dan ada yang menimbulkan lebih banyak masalah daripada menyelesaikannya".

Berdasarkan kenyataan di atas, huraikan sebab-sebab sesuatu projek itu gagal serta bincangkan masalah-masalah yang ditimbulkan olehnya.


...3/-

4. Jawab soalan-soalan berikut:

- (i) Apakah fungsi Laporan Fisibiliti di dalam perancangan projek?
- (ii) Mengapakah Rajah asas "putaran projek" bersambung seperti di Rajah A dan tidak seperti Rajah B?



Rajah A



Rajah B

- (1) Mengenalpasti Projek
- (2) Persediaan Projek
- (3) Pentaksiran Projek
- (4) Perlaksanaan Projek
- (5) Penilaian Projek

- (iii) Penggunaan Kaedah Jalan Kritikal dapat melicinkan lagi perlaksanaan projek yang besar dan kompleks. Huraikan.